UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PELANTIKAN 20 AHLI LEMBAGA PENASIHAT INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (LPI)

KUALA LUMPUR, 22 Oktober – Seramai **20 individu yang terdiri daripada ahli akademik, wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan merangkumi kepakaran daripada pelbagai bidang telah dilantik sebagai Lembaga Penasihat Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (LPI) Sesi 2026-2028**. Majlis penyerahan watikah pelantikan telah disampaikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Jabatan Muzium Malaysia.

LPI merupakan **mekanisme penasihat strategik** kepada Institut Kajian dan Latihan Integriti (IKLIN) dengan memberikan pandangan, hala tuju dan syor penambaikan terhadap pelaksanaan fungsi Latihan, penyelidikan serta pembangunan terhadap pelaksanaan fungsi latihan, penyelidikan serta pembangunan kompetensi dalam bidang perpaduan dan integrasi nasional.

Keahlian LPI yang merentas sektor berupaya menyumbang **kepakaran, pendangan, dan idea strategik kepada Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) selaku Pusat Kecemerlangan Perpaduan dalam mengenal pasti pendekatan terbaik bagi menangani isu perkauman, ucapan kebencian, konflik sosial serta pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat**. Kepelbagaian latar belakang ahli LPI membantu bagi memastikan setiap isu berkaitan perpaduan dapat dinilai secara menyeluruh berdasarkan penyelidikan, analisis data, pengalaman pentadbiran serta keadaan semasa masyarakat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “LPI perlu berperanan sebagai badan penasihat strategik dan rakan pemikir (*strategic tink tank*) kepada IKLIN. Peranan IKLIN perlu diperkasa selaras dengan mandat Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) di bawah Strategi D.1.1 : Memperkukuh Integrasi dan Perpaduan Nasional. Tambah beliau, “IKLIN harus muncul sebagai Pusat Kecemerlangan

(*Centre of Excellence*) dan pusat rujukan nasional dalam bidang perpaduan, integrasi nasional serta pembinaan negara bangsa.

Dalam ucapannya, YB Menteri telah menetapkan lima (5) hala tuju strategik bagi memastikan IKLIN relevan dan berdaya saing menjelang 2027. Antara hala tuju yang dinyatakan ialah Pertama, **Transformasi Institusi dan Penjenamaan Semula IKLIN** melibatkan pemerkasaan fungsi penyelidikan, pembangunan bakat, jaringan strategik serta keupayaan IKLIN sebagai institusi pemikir dasar perpaduan negara. Kedua, **Penandaarasan Model Institusi Antarabangsa** bagi membangunkan model IKLIN yang bersesuaian dengan realiti masyarakat majmuk Malaysia melalui amalan terbaik antarabangsa.

Ketiga, IKLIN perlu **Memperluas kerjasama akademik dalam dan luar negara melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan universiti tempatan dan antarabangsa termasuk institusi penyelidikan dan organisasi pemikir dasar (*policy think tanks*).** Kerjasama ini perlu memberi tumpan kepada penyelidikan bersama, pertukaran kepakaran, penerbitan ilmiah. Pembangunan modul latihan serta program *fellowship* penyelidik.

Keempat, **Memperkukuh Ekosistem Data Terbuka (*Open Data*)** melalui kerjasama strategik dengan Kementerian Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi memperkukuh akses serta perkongsian data sosioekonomi dan demografi dan kelima IKLIN perlu **Memperkukuh Agenda Penyelidikan Masa Hadapan** dengan mengenal pasti bidang penyelidikan strategik yang lebih bersifat prospektif melibatkan polarisasi sosial, politik identiti, jurang generasi, mobiliti sosial, politik identiti, literasi digital, kecerdasan buatan (AI) dan daya tahan masyarakat (*societal resilience*).

Dengan penubuhan LPI ini, KPN berharap agar satu Pelan Strategik IKLIN dapat dirangka dengan sasaran, petunjuk prestasi utama (KPI) dan keberhasilan yang jelas selaras dengan aspirasi RMK13 dan agenda pembinaan negara bangsa.

Kementerian Perpaduan Negara
22 Oktober 2026
KPN.100-9/1/16 (84)

MALAYSIA MADANI

UNTUK SIARAN SEGERA

SENARAI KEANGGOTAAN LEMBAGA PENASIHAT INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRITI NASIONAL SESI 2026-2028

BIL.	NAMA	JAWATAN	KATEGORI KEANGGOTAAN
1.	YB Datuk Aaron Ago Dagang	Menteri Perpaduan Negara	Pengerusi
2.	YB Tuan Yuneswaran Ramaraj	Timbalan Menteri Perpaduan Negara	Pengerusi Gantian
3.	YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid	Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara	Ahli Kerajaan
4.	Tuan Zulkifli bin Hashim	Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional	Ahli Kerajaan
5.	YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff	Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Ahli Kerajaan
6.	YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad	Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	Ahli Kerajaan
7.	Tuan Che Khodir bin Baharum	Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sosial Kementerian Ekonomi	Ahli Kerajaan
8.	YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff	Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	Ahli Institut Latihan Kerajaan
9.	YBhg. Dato' Dr. Haji Roslan bin Hussin	Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia	Ahli Institut Latihan Kerajaan
10.	Puan Norhaslinda binti Mohd Sibi	Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM)	Ahli Institut Latihan Kerajaan
11.	YBhg. Profesor Dato' Dr. Sivamurugan Pandian	Pensyarah	Ahli Akademik

		Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM)	
12.	YBhg. Datuk Profesor Kolonel (K) Dr. Awang Azman Awang Pawi	Dekan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya	Ahli Akademik
13.	YBhg. Datuk Profesor Madya Dr. Shamrahayu binti Ab.Aziz	Pensyarah Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Ahli Akademik
14.	YBhg. Profesor Dr. Novel Anak Lyndon	Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Ahli Akdemik
15.	YBhg. Profesor Mahendhiran Sanggaran Nair	Naib Canselor (Penyelidikan dan Kelestarian) Sunway University	Ahli Akademik
16.	YBhg. Profesor Madya Dr. Suraya binti Sintang	Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Ahli Akademik
17.	YBhg. Dato' Gandesan Letchumanan	Pengasas Glocal Creation Consultancy	Mantan Ketua Pengarah JPNIN/Ahli NGO
18.	YBhg. Dato' Wira Richard Lau Chi Chiang	Pengerusi National Unity Committee	Ahli NGO
19.	Tuan Mohd. Izzat Afifi Hj. Abdul Hamid	Presiden Majlis Belia Malaysia	Ahli NGO
20.	Tuan Jason Wee	Pengarah Eksekutif Architects of Diversity (AOD)	Ahli NGO